

Miliki dadah berbahaya, seorang bapa dipenjara enam bulan

MIRI: Padah memiliki dadah berbahaya, seorang bapa dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Randu Rangen setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah dan rayuan tertuduh, keterangan fakta kes, berat kesalahan dilakukan, mengambil kira kepentingan serta hukuman disyorkan oleh mesin kecerdasan buatan (AI).

Lai Chin Kui, 48, didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12(3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952 didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine

(syabu) seberat 0.15 gram.

Methamphetamine merupakan satu item terkandung dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu jam 2 petang, pada 10 Julai 2023 di sebuah bilik terletak di tingkat dua sebuah bangunan, Jalan Kwang Tung di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh yang bekerja sendiri merayu hukuman diringkankan memandangkan dia sudah berkahwin dan mempunyai tiga anak manakala isterinya sedang hamil dan akan bersalin bulan depan.

Menurut tertuduh dadah dimilikinya itu adalah untuk kegunaan sendiri.

Mahkamah kemudian memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 7 Mei tahun ini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.